



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 6

10hb Februari 2022

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactment, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, is published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 20	Enakmen Fi Negeri Perlis 2021 Perlis Fees Enactment 2021
Enakmen 21	Enakmen Lagu Negeri Perlis 2021 State of Perlis Anthem Enactment 2021
Enakmen 22	Enakmen Taman Awam Negeri Perlis 2021 Perlis State Public Parks Enactment 2021



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 20

ENAKMEN FI NEGERI PERLIS 2021

Tarikh Persetujuan DiRaja	...	...	...	25 Januari 2022
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	...	...	...	10 Februari 2022

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 20

ENAKMEN FI NEGERI PERLIS 2021

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja Perlis

22 Jamadilakhir 1443
25 Januari 2022

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan bagi melevi fi dan bayaran untuk lesen, permit dan perkara-perkara lain yang boleh dilevi oleh mahkamah Syariah, pejabat awam dan jabatan Kerajaan di Negeri Perlis.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Fi Negeri Perlis 2021 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pihak Berkuasa Kewangan Negeri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];

“Senarai Negeri” ertinya Senarai Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, iaitu senarai yang mengandungi perkara yang berkenaan dengannya Negeri boleh membuat undang-undang.

Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan dan menetapkan fi dan bayaran yang boleh dilevi di mahkamah syariah, pejabat awam dan jabatan Kerajaan Negeri

3. Kecuali jika diperuntukkan selainnya secara nyata oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui peraturan-peraturan—

- (a) mengenakan dan menetapkan fi dan bayaran untuk lesen, permit dan tindakan, perkara atau benda lain, yang boleh dilevi atau akan boleh dilevi oleh mana-mana mahkamah syariah, pejabat awam dan jabatan Kerajaan Negeri; dan
- (b) menentukan orang yang fi itu hendaklah dibayar dan bayaran dibuat,

dan boleh pada bila-bila masa membatalkan atau mengubah apa-apa mengenainya dengan pemberitahuan di dalam *Warta*:

Dengan syarat bahawa fi atau bayaran yang dikenakan atau yang ditetapkan itu adalah berkenaan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri.

Pegawai boleh enggan bertindak sehingga bayaran dibuat

4. Pegawai mana-mana mahkamah syariah, pejabat awam atau jabatan Kerajaan Negeri yang dikehendaki supaya melakukan apa-apa jua yang kerananya fi atau bayaran boleh dikenakan

atau ditetapkan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri, boleh enggan melakukan perkara itu sehingga fi dibayar atau bayaran dibuat.

Fi dan lain-lain boleh didapati sebagaimana denda di Mahkamah Majistret

5. (1) Segala fi dan bayaran yang dikenakan atau ditetapkan di bawah Enakmen ini boleh didapati, jika tidak diperuntukkan selainnya, melalui tatacara terus di Mahkamah Majistret mengikut cara yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] untuk mendapatkan denda dan penalti di Mahkamah Majistret, atas aduan oleh atau bagi pihak pegawai yang kepadanya fi itu sepatutnya telah dibayar atau bayaran itu sepatutnya telah dibuat.

(2) Suratakuan oleh pegawai itu bahawa fi itu telah tidak dibayar, atau bayaran itu telah tidak dibuat hendaklah menjadi bukti *prima facie* terhadap ketiadaan bayaran itu.

Fi yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis

6. Tiada apa-apa dalam Enakmen ini boleh menyentuh amaun apa-apa fi atau bayaran yang boleh dilevi atau dikenakan atau yang akan boleh dilevi atau dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis jika peruntukan nyata dibuat dalam undang-undang bertulis itu mengenai amaun fi atau bayaran itu.

Peremitan fi

7. Walau apa pun seksyen 6, adalah sah bagi Pihak Berkuasa Kewangan Negeri untuk meremitkan keseluruhan atau sebahagian daripada, dan sama ada secara am atau dalam mana-mana hal tertentu atau kelas hal, apa-apa fi atau bayaran lain yang ditetapkan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri, dan Pihak Berkuasa Kewangan

Negeri boleh dengan kaedah memperuntukkan mengenai peremitan apa-apa fi atau bayaran lain dan boleh dalam kaedah itu menentukan orang yang boleh diberi peremitan itu.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2021.

[SUK.Ps. 05/392]

MAWAR BINTI AWANG
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 20

PERLIS FEES ENACTMENT 2021

Date of Royal Assent 25 January 2022

Date of publication in the *Gazette* 10 February 2022

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment 20****PERLIS FEES ENACTMENT 2021**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja of Perlis

25 January 2022
22 Jamadilakhir 1443

An Enactment to provide for the levy of fees and payments for licences, permits and other matters to be leviable by Syariah courts, public offices and departments of the State Government of Perlis.

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. This Enactment may be cited as the Perlis Fi Enactment 2021 and shall come into force on 1 January 2022.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“State Financial Authority” has the meaning assigned to it in the Finance Procedure Act 1957 [*Act 61*];

“State List” means the State List set out in the Ninth Schedule to the Federal Constitution, being the list enumerating the matters with respect to which State may make laws.

The State Authority may charge and prescribe fees and payments leviable by Syariah courts, public offices and departments of the State Government of Perlis

3. Except where expressly provided otherwise by any other written law, the State Authority may by regulations—

(a) charge and prescribe fees and payments for licences, permits and other acts, matters or things, leviable or to be leviable by any Syariah court, public office and any departments of the State Government of Perlis; and

(b) specify the persons by whom such fees shall be paid and payments made,

and may at any time revoke or vary any of such by notification in *Gazette*:

Provided that the fee or payment so charged or prescribed is in respect of any matter included in the State List.

Officers may decline to act till payment

4. The officer of any Syariah court, public office or department of the State Government required to do anything for which a fee or payment is chargeable or prescribed under this Enactment or under any other written law relating to any matter included in the State List may decline to do that thing till the fee is paid or the payment is made.

Fees and others recoverable as fines before a Magistrates' Court

5. (1) All fees and payments charged or prescribed under this Enactment shall be recoverable, when not otherwise provided for, by summary procedure before a Magistrates' Court in the manner provided by the Criminal Procedure Code [*Act 593*] for the recovery of fines and penalties before a Magistrates' Court, on complaint by or on behalf of the officer to whom the fee ought to have been paid or the payment ought to have been made.

(2) A certificate by such officer that the fee has not been paid, or that the payment has not been made, shall be held to be prima facie proof of such non-payment.

Fees prescribed by written law

6. Nothing in this Enactment shall be held to affect the amount of any such fees or payments leviable or chargeable or to be leviable or chargeable under any written law when express provision is made as to the amount of such fees or payments in such written law.

Remission of fees

7. Notwithstanding section 6, it shall be lawful for the State Financial Authority to remit wholly or in part, and either generally or in any particular case or class of cases, any fee or other payment prescribed under this Enactment or under any other written law relating to any matter included in the State List, and the State Financial Authority may by rules provide for the remission of any such fee or other payment and may specify therein the person by whom such remissions shall be granted.

Passed in the State Legislative Assembly this 9 December 2021.
[SUK.Ps. 05/392]

MAWAR BINTI AWANG
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 21

ENAKMEN LAGU NEGERI PERLIS 2021

Tarikh Persetujuan DiRaja	...	...	...	25 Januari 2022
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	...	...	...	10 Februari 2022

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen 21****ENAKMEN LAGU NEGERI PERLIS 2021**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja Perlis

22 Jamadilakhir 1443
25 Januari 2022

Suatu Enakmen yang berhubungan dengan aturan, tatacara, kesalahan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Lagu Negeri Perlis.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lagu Negeri Perlis 2021 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lagu Negeri” ertinya Lagu Negeri Perlis iaitu gubahan yang mengandungi perkataan dan muzik yang dinyatakan dalam Jadual;

“versi Diraja” ertinya Lagu Negeri tanpa nyanyian;

“versi penuh” ertinya Lagu Negeri dengan nyanyian.

Memainkan Lagu Negeri

3. (1) Lagu Negeri hendaklah dimainkan pada peristiwa yang berikut—

(a) apabila suatu penghormatan diberikan kepada Raja semasa menjalankan fungsi Raja atau kepada Pemangku Raja yang dilantik menjalankan fungsi Raja;

(b) pada semua majlis istiadat rasmi, peristiwa rasmi atau separa rasmi apabila Raja, Pemangku Raja atau wakilnya berangkat;

(c) pada istiadat, perbarisan rasmi atau majlis rasmi yang lain; dan

(d) pada mana-mana majlis yang difikirkan suai manfaatnya,

(2) Lagu Negeri versi Diraja hendaklah dimainkan pada mana-mana peristiwa sebagaimana yang diperkenankan oleh Raja.

(3) Lagu Negeri versi penuh boleh dimainkan—

(a) pada majlis rasmi atau separa rasmi bagi maksud menghormati Lagu Negeri;

(b) di sekolah bagi maksud mengajar murid-murid menyanyi Lagu Negeri; dan

(c) pada mana-mana majlis yang difikirkan sesuai.

Tanda Hormat

4. (1) Bilamana Lagu Negeri dimainkan atau dinyanyikan, semua orang yang hadir hendaklah berdiri sebagai tanda hormat.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika Lagu Negeri dimainkan atau dinyanyikan semasa sesuatu penyiaran atau filem berita sebagai sebahagian daripada penyiaran atau filem berita itu.

Kesalahan

5. (1) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 4(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) kegagalan mematuhi subseksyen 4(1) tanpa sebab yang baik dan mencukupi; atau

(b) apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berkecenderungan untuk merendahkan prestij Lagu Negeri pada pandangan orang awam,

hendaklah disifatkan sebagai sikap tidak hormat.

Menangkap tanpa waran

6. Seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melanggar seksyen 4 dalam kehadiran pegawai polis itu melainkan jika orang itu memberikan nama dan alamatnya dan memuaskan hati pegawai itu bahawa dia akan menjawab dengan sewajarnya apa-apa saman kehadiran, siasatan atau prosiding lain yang akan diambil terhadapnya.

Pindaan Jadual

7. Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan di dalam *Warta* meminda, menggantikan atau mengubah Jadual.

[seksyen 2]

AAMIIN – AAMIIN

This image shows a page from a musical score, likely for a symphony orchestra. The page is divided into two systems of staves. The first system includes staves for Flute 1, Flute 2, Oboe 1, Oboe 2, Clarinet 1, Clarinet 2, Bassoon, Horn 1 & 2, Trumpet 1, Trumpet 2, Trumpet 3, Trombone 1, Trombone 2, Trombone 3, Tuba, and Percussion (which includes snare drum, cymbal, and tom). The second system includes staves for Cymbal, Snare Drum, Bass Drum, Violin 1, Violin 2, Viola, Violoncello, and Contrabass. The score features various musical notations, including notes, rests, and dynamic markings such as 'pp' (pianissimo) and 'f' (forte). A rehearsal mark 'Q' is present at the beginning of the second system. The page is numbered '1-11' in the top left corner.

The musical score is arranged in two systems. The first system includes staves for Soprano (S), Alto (A), Tenor (T), Bass (B), and various instruments: Flute (Fl), Oboe (Ob), Clarinet (Cl), Bassoon (Bs), Trumpet (Tr), Trombone (Tbn), Tuba (Tub), and Snare Drum (Sn). The second system includes staves for Cello (C), Double Bass (B), and various string instruments: Violin I (Vln I), Violin II (Vln II), Viola (Vla), Violoncello (Vcl), and Double Bass (B). A guitar solo section is marked with a bracket and the text "GUITAR - HOLD NOTE OF". The score is written in standard musical notation with various dynamics and articulations.

Aamin, aamin,
 Ya Rabbil Jalil
 Doa hamba yang sangat zalil
 Tinggikan Daulat serta adil
 Kekal perintah Jamalullail

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2021.

[SUK.Ps. 05/392]

MAWAR BINTI AWANG

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 21

STATE OF PERLIS ANTHEM ENACTMENT 2021

Date of Royal Assent 25 January 2022

Date of publication in the *Gazette* 10 February 2022

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment 21****STATE OF PERLIS ANTHEM ENACTMENT 2021**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja of Perlis

25 January 2022
22 Jamadilakhir 1443

An Enactment relating to rules, procedures, offences and matters relating to the State of Perlis Anthem.

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. This Enactment may be cited as the State of Perlis Anthem 2021 and shall come into operation on 1 January 2022.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“State Anthem” means the State of Perlis Anthem being the composition consisting of the words and music specified in the Schedule;

“Royal version” means State Anthem without singing;

“full version” means State Anthem with singing;

Playing of the State Anthem

3. (1) The State Anthem shall be played on the following occasions—

- (a) when an honor is given to the Raja performing the functions of the Raja or to the Regent appointed to carry out the functions of the Raja;
- (b) at all official ceremonies, official or semi-official events when the Raja, the Regent or his representative presents;
- (c) at ceremonies, official parades or other official functions; and
- (d) at any event deemed expedient.

(2) The Royal version of the State Anthem shall be played on such occasions as the Raja may approve.

(3) The full version of the State Anthem can be played—

- (a) at an official or semi-official ceremony for the purpose of honoring the State Anthem;
- (b) in schools for the purpose of educating pupils to sing the State Anthem; and
- (c) at any occasion deemed appropriate.

Mark of respect

4. (1) Whenever the State Anthem is played or sung, all persons present shall stand as a mark of respect.

(2) Subsection (1) does not apply where the State Anthem is played or sung in the course of a broadcast or newsreels as part of such broadcast or newsreels.

Offences

5. (1) Any person who contravenes the provision of subsection 4(1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(2) For the purpose of this section—

(a) the failure to comply with subsection 4(1) without good and sufficient cause; or

(b) any act or omission which would tend to lower the prestige of the National Anthem in the eyes of the public,

shall constitute a show of disrespect.

Arrest without warrant

6. A police officer may arrest without warrant any person who contravenes section 4 in such officer's presence unless the person gives his name and address and satisfies such officer that he will duly answer any summons or other proceedings that will be taken against him.

Amendment of Schedule

7. The State Authority may by order amend, substitute or vary the Schedule.

SCHEDULE

[Section 2]

THE STATE OF PERLIS ANTHEM

AAMIIN – AAMIIN

The musical score is for the State of Perlis Anthem, titled "AAMIIN – AAMIIN". It is written for a large ensemble, including Flutes (1 and 2), Oboes (1 and 2), Clarinets (1 and 2), Bassoons, Trumpets (1, 2, and 3), Trombones (1, 2, and 3), Tuba, Percussion (including Snare Drum, Bass Drum, and Cymbals), and Strings (Violins 1 and 2, Violas, Cellos, and Double Basses). The score is in 4/4 time and has a tempo marking of $J = 90$. The key signature is one flat. The score is divided into two systems, with the second system starting at measure 11. The music is in 4/4 time and includes various dynamics such as *sf*, *f*, and *sfz*. The score is written for a large ensemble, including Flutes, Oboes, Clarinets, Bassoons, Trumpets, Trombones, Tuba, Percussion, and Strings. The score is in 4/4 time and has a tempo marking of $J = 90$. The key signature is one flat. The score is divided into two systems, with the second system starting at measure 11. The music is in 4/4 time and includes various dynamics such as *sf*, *f*, and *sfz*.

The musical score is arranged in systems. The first system includes staves for Flute (Fl.), Piccolo (Pic.), Oboe (Ob.), Bassoon (Bsn.), Clarinet (Cl.), Bass Clarinet (Bb. Cl.), and Bassoon (Bsn.). The second system includes staves for Trumpet (Tr.), Trombone (Tbn.), and Tuba (Tub.). The third system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF". The fourth system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF". The fifth system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF". The sixth system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF". The seventh system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF". The eighth system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF". The ninth system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF". The tenth system includes staves for Trombone (Tbn.), Tuba (Tub.), and a section labeled "KORANTEM - HELLO MYSELF".

Aamin, aamin,
Ya Rabbil Jalil
Doa hamba yang sangat zalil
Tinggikan Daulat serta adil
Kekal perintah Jamalullail

Passed in the State Legislative Assembly this 9 December 2021.
[SUK.Ps. 05/392]

MAWAR BINTI AWANG

Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 22

ENAKMEN TAMAN AWAM NEGERI PERLIS 2021

Tarikh Persetujuan DiRaja	...	...	...	25 Januari 2022
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	...	...	...	10 Februari 2022

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 22

ENAKMEN TAMAN AWAM NEGERI PERLIS 2021

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja Perlis

22 Jamadilakhir 1443
25 Januari 2022

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan kawalan terhadap Taman-Taman Awam Negeri termasuklah pemeliharaan dan pengurusan sumber-sumber asli, sejarah, pertanian, penternakan, pengairan, sukan, tempat hiburan awam, rekreasi awam, fi, perundangan subsidiari dan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Taman Awam Negeri Perlis 2021 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“galian” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Mineral 2002 [*Enakmen Bil. 5 Tahun 2002*];

“haiwan” tertakluk kepada apa-apa definisi yang terkandung dalam mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini, ertinya apa-apa mamalia, reptilia, amfibia, serangga, burung, kerustasia, kerang (sama ada hidup atau mati), apa-apa haiwan vertebrata atau invertebrata atau apa-apa organisma hidup;

“hidupan liar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*];

“Mahkamah Rendah” ertinya Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen;

“Pegawai Diberi kuasa” ertinya mana-mana orang yang dilantik menjadi seorang Pegawai Diberi kuasa di bawah perenggan 3(3)(c);

“Pihak Berkuasa Kewangan Negeri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*];

“Taman Awam Negeri” ertinya suatu Taman Awam Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“tumbuh-tumbuhan” adalah termasuk akar, tunggul, batang, dahan, daun, belukar, palma, buluh, rotan, pepanjat, tumbuhan jalar, rumput dan semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN TAMAN AWAM NEGERI

Penubuhan Taman Awam Negeri

3. (1) Pihak Berkuasa Negeri bolehlah dengan pemberitahuan dalam *Warta* merizabkan mana-mana tanah Negeri atau mana-mana tanah yang diambil bagi maksud itu mengikut undang-undang yang berkuat kuasa berkaitan dengan pengambilan balik tanah bagi maksud awam untuk maksud sesuatu Taman Awam Negeri di bawah suatu nama yang akan diberikan kepadanya.

(2) Kawasan yang dirizabkan bagi maksud sesuatu Taman Awam Negeri hendaklah diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri.

(3) Apa-apa pemberitahuan yang diwartakan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) memperihalkan tanah rizab itu;
- (b) memperihalkan tanah itu dirizabkan bagi maksud taman awam negeri;
- (c) menamakan Pegawai Diberi kuasa bagi maksud menguatkuasakan peruntukan atau perundangan subsidiari bagi tanah yang dirizabkan sedemikian itu; dan
- (d) merupakan keterangan konklusif bahawa tanah yang diperihalkan itu adalah dirizabkan bagi maksud taman awam negeri.

(4) Pihak Berkuasa Negeri bolehlah pada bila-bila masa yang difikirkannya patut membatalkan perizaban mana-mana kawasan atau sebahagian darinya sebagai suatu Taman Awam Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tujuan penubuhan Taman Awam Negeri

4. Penubuhan Taman-taman Awam Negeri ialah untuk pemeliharaan dan pengurusan sumber-sumber asli, hidupan liar, warisan, sejarah, kaji bumi, kaji purba, pertanian, penternakan, pengairan, kebudayaan, sukan, tempat hiburan awam, rekreasi awam dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan, dan melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orang ramai.

Kewajipan-kewajipan Pegawai Diberi kuasa

5. Pegawai Diberi kuasa hendaklah—

- (a) melaksanakan dan menguatkuasakan keputusan dan arahan-arahan Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) melaksanakan apa-apa Pelan Pengurusan Taman Awam Negeri yang dibangunkan bagi suatu Taman Awam Negeri;
- (c) melakukan semua perkara yang perlu atau berkaitan untuk melaksanakan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini; dan
- (d) melakukan apa-apa kewajipan lain atau kewajipan tambahan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

Penggunaan tanah dalam kawasan Taman Awam Negeri

6. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi sewa atau membenarkan penggunaan atau pendudukan di atas keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana tanah dalam sesuatu Taman Awam Negeri tertakluk kepada seksyen 4 dan apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut dikenakan bagi mana-mana maksud yang berikut sahaja demi kepentingan kemajuan Taman Awam Negeri, iaitu—

- (a) pembinaan dan penyelenggaraan jalan; dan
- (b) pembinaan dan penyelenggaraan rumah rehat, rumah kediaman, bangunan dan kerja-kerja kegunaan awam.

(2) Pegawai Diberi kuasa boleh memberi sewa atau membenarkan penggunaan tanah untuk apa-apa aktiviti yang berkaitan Taman Awam Negeri tertakluk kepada seksyen 4 dengan kadarnya hendaklah ditetapkan di dalam perundangan subsidiari.

(3) Mana-mana tanah yang diberi sewa atau dibenarkan penggunaan atau pendudukan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (1) hendaklah terus menjadi sebahagian daripada Taman Awam Negeri itu.

(4) Kecuali menurut kuasa atau apa-apa hak yang diberikan oleh atau diperoleh di bawah atau berkenaan dengan mana-mana penyewaan di bawah subseksyen (1) atau sebagaimana selainnya diperuntukkan dalam Enakmen ini, tiada seorang pun selain Pegawai Diberi kuasa boleh memasuki, menggunakan atau menduduki mana-mana tanah dalam kawasan dan menjadi sebahagian daripada sesuatu Taman Awam Negeri tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN III

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan di bawah Enakmen

7. (1) Tiada seorang pun boleh, semasa berada di dalam kawasan Taman Awam Negeri melainkan jika mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Diberi kuasa—

- (a) membawa atau memiliki apa-apa jentera, senjata, bahan letupan, jerat, racun atau bahan berbahaya;
- (b) memburu, membunuh, mencederakan, menangkap atau mengganggu apa-apa haiwan dan hidupan liar atau mengambil atau memusnahkan apa-apa telur atau sarang burung;

Dengan syarat apa-apa haiwan dan hidupan liar boleh dibunuh bagi mempertahankan nyawa manusia atau bagi melindungi daripada ditimpa kecederaan;

- (c) memotong, merosakkan, mencederakan, memusnahkan atau membakar apa-apa tumbuh-tumbuhan atau apa-apa benda yang mempunyai kepentingan kaji bumi, kaji purba, sejarah atau kepentingan sains;
- (d) memasukkan apa-apa hidupan liar, haiwan, ikan atau membenarkan sesuatu binatang ternakan memasuki atau merayau-rayau di dalamnya atau memasukkan apa-apa tumbuh-tumbuhan ke dalamnya;
- (e) mengalih apa-apa haiwan, hidupan liar atau tumbuh-tumbuhan atau mana-mana bahagian haiwan, hidupan liar atau tumbuh-tumbuhan sama ada hidup atau mati;
- (f) mengalih apa-apa galian atau benda yang mempunyai kepentingan kaji bumi, kaji purba, sejarah atau kepentingan sains;
- (g) memusnahkan atau mencacatkan apa-apa benda sama ada yang bernyawa atau tidak;
- (h) membina apa-apa bangunan di dalamnya;
- (i) menyebarkan, membuang atau menyebabkan minyak, bahan kimia, racun atau lain-lain toksin atau bahan-bahan buangan termasuk bahan buangan pepejal yang berupaya untuk membahayakan tumbuh-tumbuhan atau haiwan dalam atau berdekatan dengan sungai, tasik dan air di dalam atau mengalir masuk dalam kawasan rizabnya;
- (j) memasuki melalui selain pintu masuk yang telah ditetapkan dan apabila dikehendaki menunjukkan permit kebenaran yang sah, seseorang individu tersebut gagal mengemukakan sebarang permit atau kebenaran bertulis daripada Pegawai Diberi kuasa; atau
- (k) menentang, mengugut atau menghalang Pegawai Diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis yang melaksanakan tanggungjawabnya.

(2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan—

- (a) berkenaannya dengan kesalahan pertama, dipenjarakan tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak melebihi lima tahun dan didenda sehingga dua puluh ribu ringgit;
- (b) berkenaannya dengan kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya, dipenjarakan tidak kurang daripada lima tahun dan tidak melebihi tujuh tahun dan didenda sehingga lima puluh ribu ringgit; dan
- (c) berkenaannya dengan kesalahan yang berterusan selepas sabitan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Penalti am

8. Tiap-tiap orang yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah perundangan subsidiari kepada Enakmen ini yang tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata baginya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kompaun

9. (1) Pegawai Diberi kuasa boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, menawarkan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini yang dilakukan oleh mana-mana orang dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun oleh perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Pegawai Diberi kuasa suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika keseluruhan amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pegawai Diberi kuasa, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas tempoh itu.

(4) Jika keseluruhan amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) telah dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pegawai Diberi kuasa, tiada pendakwaan berkenaan dengan kesalahan itu boleh dimulakan dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pegawai Diberi kuasa, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun oleh Pegawai Diberi kuasa.

BAHAGIAN IV

KUASA-KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

Kuasa penyiasatan

10. Mana-mana pegawai berpangkat tidak rendah daripada gred 29 yang diwakilkan kuasa oleh Pegawai Diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk mengesan dan menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya.

Kuasa untuk menyita, menangkap dan sebagainya

11. (1) Pegawai Diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh tanpa waran—

- (a) menangkap dan menggeledah mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya;
- (b) menyita apa-apa kenderaan, jentera, alat-alat atau benda-benda lain, jika dia ada sebab bagi mempercayai telah digunakan atau sedang digunakan bagi melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya; dan
- (c) menggeledah, meroboh atau memindahkan apa-apa bangunan atau mengambil milik apa-apa benda yang didirikan di dalam Taman Awam Negeri tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

